

10/04/2000

Nilai murni semakin terhakis

Khalid Salleh

PENJAJAHAN budaya, barangkali sebuah ungkapan yang tidak begitu diperhatikan oleh sebilangan besar masyarakat Malaysia. Barangkali juga orang di bawah bumbung Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan sendiri, sesetengahnya tidak ambil pusing mengenai ungkapan tersebut. Dalam hubungan berkaitan Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir kelihatan lebih cenderung menumpukan perhatiannya kepada hal pelancongan. Kebudayaan dan kesenian seolah-olah perkara sampingan atau pilihan kedua dalam kementerian yang diterajuinya.

Secara vokal Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan membawa konotasi bahawa kebudayaan dan kesenian adalah `suara' pertama dan diikuti oleh yang kedua (kesenian) sebelum suara ketiga (pelancongan) menyusul di belakangnya. Penggunaan perkataan `pelancongan' pada awal sebutan kementerian itu ketika awal kelahiran porfolionya selepas dipisahkan dari Belia Dan Sukan, telah dibantah oleh budayawan, penggiat seni dan tokoh bahasa. Satu pertemuan khas dengan Datuk Sabaruddin Chik telah diadakan di Kompleks Budaya Negara (KBN) diketuai Sasterawan Negara, Datuk Dr Usman Awang.

Pada pertemuan itu, akhirnya Sabaruddin menerima suara bantahan budayawan, penggiat seni, tokoh bahasa dan berjanji akan membawa perkara tersebut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan yang pada awalnya dinamakan sebagai Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Kesenian diminta meletakkan kebudayaan dan kesenian sebagai perkara pokok sebelum melangkah kepada pelancongan. Dengan meletakkan perkataan pelancongan pada sebutan awalnya, seolah-olah memberi gambaran bahawa kerajaan tidak mementingkan persoalan kebudayaan dan kesenian yang melahirkan rupa bentuk masyarakat Malaysia itu sendiri.

Sebagai menghormati pandangan dan suara budayawan, penggiat seni, tokoh bahasa dan masyarakat seniman (bukan seniman), kerajaan bersetuju menggunakan perkataan kebudayaan sebagai sebutan awal pada Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan dan bukan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Kesenian sepertimana diumumkan pada peringkat awalnya.

Selaku Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan, Abdul Kadir dalam perkembangan terkini kelihatan seolah-olah lebih menitikberatkan kepada segala perkara berkaitan pelancongan, di mana kebudayaan dan kesenian bukan lagi menjadi perkara utama kelihatannya.

Kebangkitan Jepun sebagai sebuah kuasa ekonomi yang disegani setelah aib menerima kehancuran dalam perang dunia kedua adalah merupakan contoh yang baik untuk dibuat perbandingan. Sebelum lahir sebagai sebuah kuasa ekonomi Jepun telah membina asas yang kukuh melalui kebudayaan dan kesenian terlebih dahulu. Kemajuan teknologi yang dilahirkannya tidak memberi apa-apa kesan perubahan terhadap kesenian dan kebudayaannya.

Sebagai warganegara Malaysia dan sebagai bangsa Melayu yang `dimasyhurkan' sebagai memiliki budi bahasa, sopan santun, adab dan pekerti yang tinggi, tentu merasa `silu' apabila pernah berkunjung ke negara Jepun.

Mewakili Malaysia dalam Festival Monodrama Asia Ke 3 di Nagano pada 1991, saya `tersipu' kepada diri sendiri apabila mengalami beberapa peristiwa yang saya kira tidak akan berlaku di sini atau negara Islam lain. Salah satu yang masih segar dalam ingatan saya ialah peristiwa di sebuah tempat pementasan.

Antara aturcara Festival Monodrama Asia Ke 3 ialah pementasan teater terbuka di sebuah kawasan lapang di kaki bukit yang melandai. Persekitaran kawasan persembahan dipagari hanya dua utas tali belati yang boleh dilangkahi dengan hanya melangkahkan kaki saja, tetapi apa yang dibayangkan boleh berlaku di negara ini yang berlawanan dengan etika budaya, tidak berlaku di Jepun.

Secara teratur, penonton dengan kesedaran budayanya yang tinggi berbaris untuk masuk ke kawasan persembahan dengan membeli tiket berharga RM30 di pintu masuk. Tidak kelihatan yang cuba menyusup masuk secara percuma atau berdiri di luar pagar sebagai penonton. Masing-masing mempersiapkan diri sebagai penonton dengan membawa pengalas punggung untuk tujuan tersebut.

Mengenai barang yang tertinggal atau tercicir di mana-mana atau di stesen kereta api umpamanya secara purata dapat diperolehi semula ke tangan yang empunya. Kalau beg duit umpamanya, tidak akan susut jumlah wang yang terkandung di dalamnya. Apakah hak sedemikian berlaku dalam budaya kita? Kasut di tangga masjid lagikan hilang, bayangkanlah kalau beg duit yang tercicir.

Peristiwa yang dipaparkan tadi ialah satu daripada contoh manusia yang telah mencapai taraf kesedaran budayanya yang tinggi. Apakah tidak mungkin contoh perkara tersebut seharusnya berlaku di negara kita? Selain dari sopan santun, adab pekerti dan apa saja mengenai kebaikan yang sering diunggulkan untuk bangsa Malaysia (Melayu khususnya) sebagaimana yang selalu `dicanangkan' pada hakikatnya telah jauh dari kenyataan yang sebenarnya.

Pendidikan rohani dan pendidikan sivik yang menekankan kepada adab dan peraturan, umpamanya di hadapan orang tua, di hadapan majlis dan sebagainya sebagaimana pernah berlaku suatu waktu dulu, sudah tidak diambil berat lagi dalam suasana hidup ekarang ini. Apa yang berlaku lebih menjelaskan kepada warna budaya yang menghampiri ke jurang kehancuran. Nilai-nilai estetika dalam budaya Melayu jika tidak diambil perhatian yang berat akhirnya tidak mustahil ia akan hanya tinggal sebagai kenangan dan nyanyian semata-mata.

Apakah jalan keluar untuk mendaulatkan kebudayaan dan kesenian bangsa Malaysia supaya lebih bermaruah dan disegani sebelum `memukul canang' supaya pelancong membanjiri negara kita dan turut menyumbang menambahkan `benah jelaga' kepada masalah budaya yang sedia ada serta dipandang remah sesetengah golongan.

(END)